

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 28 SEPTEMBER 2014 (AHAD)**

| Bil | Tajuk | Akhbar |
|------------|--|-------------------|
| 1. | Kamalanathan praises 'mighty-minder' teachers | Sunday Star |
| 2. | Pastikan barangan berkualiti | Mingguan Malaysia |
| 3. | Produk herba tempatan tembusi pasaran global | Mingguan Malaysia |
| 4. | Gempa bumi sederhana landa Wilayah Hindu Kush, Afghanistan | BERNAMA |

KERATAN AKHBAR
 SUNDAY STAR (NATION) : MUKA SURAT 6
 TARIKH : 28 SEPTEMBER 2014 (AHAD)

Kamalanathan praises 'mighty-minder' teachers



By JEANNETTE GOON
 and ANN-MARIE KHOR
 educate@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: Teaching is the best profession in the world, according to Deputy Education Minister P. Kamalanathan.

While he hoped to see more youths take up the career, he said it was a challenging profession and only the best people could become teachers.

"Teaching is truly the best profession in the world and I appreciate teachers' contribution to the development of students in our country," he said.

"Teachers are very patient and make many sacrifices for their students. Just look at the teachers here today who could be spending time with their families.

"Instead, they chose to be here

with their students," he said during the RHB-The Star Mighty Minds National Challenge Finals 2014 here yesterday.

The annual competition was held in 14 states before culminating in the national finals.

The finalists are all champions in their respective home states.

Representing Negri Sembilan, the team from SMK Bukit Mewah came out tops in the lower secondary category.

"When they announced four out of the five winning teams in our category, I was resigned to the fact that we had lost. So we were pleasantly surprised by our win," said team member Deshvinder Kaur Delvinder Singh, 14.

Victory was also a surprise for Sarawak's SM Lodge. The all-boys team emerged as the champion in the upper secondary category.



Winning entry: Tan (left) explaining his team's model to Kamalanathan. Looking on are (from third left) Wong, RHB Banking Group group chief governance officer Norazzah Sulaiman, Kam, human rights activist Datin Paduka Marina Mahathir, head judge Prof Dr Khatijah Yusoff and Science, Technology and Innovation Ministry deputy secretary-general Dr Zulkifli Mohamed Hashim.

Team member Jerry Tan, 17, said: "It's great - feels like our hard work has paid off."

Both teams walked away with a RM10,000 cash prize.

Mighty Minds is jointly organised by Star Publications (M) Bhd and RHB Banking Group.

"The Star is honing skills that are seldom taught in the classroom.

And it is rewarding to see how these students push and challenge themselves in Mighty Minds," said Star Publications (M) Bhd group managing director and CEO Datuk Seri Wong Chun Wai.

"It has been RHB's aspiration to instil a love for knowledge and appreciation of opportunities in today's youths. We believe they

should be given the platform to achieve their full potential, so they can contribute to the nation's development," said RHB Banking Group group managing director Kellee Kam.

For details, contact The Star's Customer Care Unit at 03-7967 1777 / 1703 or visit www.thestar.com.my/mightyminds.



Sweet victory: The RHB-The Star Mighty Minds National Challenge 2014 champions with their teachers from SMK Bukit Mewah, Negri Sembilan (back row, left four) and SM Lodge, Sarawak (back row, right four). With them are (front row, from left) Star Publications (M) Bhd group chief operating officer Calvin Kan, Kam, Marina, Wong, Dr Zulkifli and Norazzah.



Oleh **KHAIRUNNISA SULAIMAN**

PANCAWARNA • AHAD • 28.09.14

Pengiktirafan Standard Malaysia Pastikan barangan berkualiti

INI BAGI MEMASTIKAN SEMUA PRODUK DAN PERKHIDMATAN YANG SAMPAI KEPADA PENGGUNA MENCAPAI PIWAIAN YANG DITETAPKAN. WALAUPUN TIDAK SEMUA PRODUK DIWALIKAN UNTUK MENDAPATKAN STANDARD TERTENTU TETAPI SEBAGAI PENGGUNA TENTU SAJA LEBIH SELAMAT UNTUK MENDAPATKAN PRODUK YANG MENCAPAI STANDARD BERKENAAN.



PENGIKTIRAFAN STANDARD INI WALAUPUN BUKAN WAJIB TETAPI AMAT PENTING DALAM PEMASARAN KERANA PENGGUNA SEKARANG SEMAKIN PRIHATIN.

SEBAGAI pengguna sudah pasti kita akan mendapatkan produk dan perkhidmatan yang selamat, bersih serta halal. Tentu saja kita akan memilih produk dan perkhidmatan yang telah mendapat pengiktirafan pihak berkuasa.

Biasanya kita akan mencari logo pengiktirafan daripada badan-badan bertanggungjawab mengeluarkannya. Semasa mencari barang makanan sudah tentu kita akan mencari logo halal keluaran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), dan kalau perlu

memilih makanan proses pula kita akan memilih produk dengan logo Analisis Bahaya dan Pengendalian Titik Kritis atau Hazard Analysis and Critical Control Points (HACCP) yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Bagi barangan elektrik tentu kita memilih yang mempunyai logo kelulusan SIRIM manakala bagi tayar dengan MS iaitu Malaysian Standard bagi memastikan tayar yang digunakan selamat.

Bagaimanapun tidak semua orang mengetahui siapakah yang bertanggungjawab dalam membangunkan semua standard dan akreditasi berkenaan sebelum menerima anugerah daripada badan berkuasa masing-masing.

Ketua Pengarah Jabatan Standard Malaysia (JSM) Fadilah Baharin berkata, Standards Malaysia membangunkan semua standard bagi 24 sektor daripada pertanian kepada teknologi maklumat, komunikasi dan multimedia hingga standard halal kepada pengurusan alam sekitar.

"Ini bagi memastikan semua produk dan perkhidmatan yang sampai kepada pengguna mencapai piawaian yang ditetapkan," katanya semasa ditemui di pejabatnya di Cyberjaya baru-baru ini.

JSM ialah sebuah agensi yang ditubuhkan pada 28 Ogos 1996 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Standards Malaysia

ialah Badan Standard dan Akreditasi Kebangsaan yang memberi keyakinan kepada pihak berkepentingan melalui perkhidmatan standard dan akreditasi yang berkredibiliti dan berdaya saing secara global.

Menyentuh tentang kes buaian kanak-kanak yang ditarik penjualannya, Fadilah berkata, terkini JSM telah membangunkan standard barang permainan bagi memastikannya selamat. "JSM juga telah membangunkan standard bagi produk pertanian iaitu Amalan Baik Pertanian Malaysia (MyGAP) bagi memastikan produk pertanian, temakan dan akuakultur

yang dikeluarkan menepati semua kriteria yang ditetapkan supaya selamat dimakan," katanya.

Pada 28 Ogos tahun lalu MyGAP telah dilancarkan. MyGAP ialah penjenamaan semula Skim Amalan Ladang Baik Malaysia (SALM), Skim Persijilan Ladang



FADILAH BAHARIN



SAMBUNGAN...
MINGGUAN MALAYSIA (TEKNO) : MUKA SURAT 27
TARIKH : 28 SEPTEMBER 2014 (AHAD)



Akuakultur Malaysia (SPLAM) dan Skim Amalan Ladang Ternakan (SALT) menjadi skim lebih menyeluruh merangkumi pertanian akuakultur dan ternakan.

"Ini bagi memastikan produk pertanian yang dikeluarkan bukan saja berkualiti malah mudah untuk dieksport ke luar negara kerana standard yang digunakan setaraf dengan antarabangsa," katanya.

DIKTIRAF

Dalam sektor pelancongan, secara purata Malaysia menerima kira-kira 20 juta pelancong setiap tahun. Menyedari potensi pelancongan eko pengembaraan yang semakin mendapat tempat, JSM telah membentuk satu perkongsian pintar dengan MyLEAF, sebuah agensi bukan kerajaan (NGO) bagi memastikan sektor berkenaan menyediakan kualiti tertinggi melalui satu standard yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Industri halal ialah satu perniagaan yang besar dan penting kerana mencecah AS\$2.3 trilion setahun dan Malaysia telah mengeksport produk bernilai kira-kira AS\$10 bilion pada tahun lalu.

Bagi menyokong industri halal, JSM telah membangunkan 13 MS berkaitan dengan halal.

Walaupun tidak semua produk diwajibkan untuk mendapatkan standard tertentu tetapi sebagai pengguna tentu saja lebih selamat untuk mendapatkan produk yang mencapai standard berkenaan.

"Malah pengiktirafan standard ini walaupun bukan wajib tetapi amat penting dalam pemasaran kerana pengguna sekarang semakin prihatin.

"Walaupun terdapat standard yang bukan wajib terutama bagi perusahaan kecil dan sederhana tetapi standard berkenaan amat penting bagi tujuan pemasaran.

"Standard berkenaan amat penting apabila pengguna sekarang terutama di bandar sangat mementingkan kualiti barangan yang mereka beli," katanya.

Ini adalah 'pintu' bagi memudahkan pemasaran di peringkat global kerana di setiap negara atau pasaran yang ingin ditembusi memerlukan sesuatu standard tempatan dan standard adalah penting untuk kejayaan sesebuah perniagaan.

Pembaca yang berminat untuk mengetahui lebih lanjut tentang aktiviti JSM boleh melayari laman web www.jsm.gov.my



